



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Perak
Jalan Tun Abdul Razak
30640 Ipoh, Perak Darul Ridzuan

Tel : 605 501 5000
Faks : 605 527 7273
Laman Web : <http://jpnperak.moe.gov.my>

Ruj. Kami: JPNPK/SPPP/600-7/15/6(47)
Tarikh : 02 Mei 2018

Pengarah/ Rektor/ Pengetua
Universiti Awam/ Institusi Pengajian Tinggi Swasta/
SMK Bantuan Kerajaan/ Persendirian
NEGERI PERAK

Tuan,

**PENGUMUMAN KEPUTUSAN MALAYSIAN UNIVERSITY ENGLISH TEST (MUET)
SESI 1 TAHUN 2018**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk surat Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM):
MPM(S)600-13/4/2 Jld.10(2) bertarikh 23 April 2018.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa keputusan MUET Sesi 1 2018 akan diumumkan pada **10 Mei 2018 (Khamis), jam 10:00 pagi**. Calon boleh mendapatkan keputusan MUET mulai jam 10:00 pagi di sekolah/institusi pengajian masing-masing. Bagi Calon Persendirian Individu (Calon Jenis 3), sijil MUET Sesi 1 2018 akan dihantar terus kepada calon oleh Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM). Calon juga boleh menyemak keputusan melalui SMS dengan menaip **MUET<jarak>RESULT<jarak>No. Kad Pengenalan dan hantar ke 15888** atau secara atas talian di http://webmpm1.edu.my/muet_result/.

3. Pihak tuan boleh mendapatkan Sijil MUET Sesi 1 2018 di Unit Penilaian dan Peperiksaan, Pejabat Pendidikan Daerah masing-masing pada hari berkenaan kecuali Daerah Kinta Utara.

4. Bagi calon yang ingin membuat rayuan semak semula keputusan, pendaftaran rayuan penyemakan semula keputusan MUET Sesi 1 2018 akan dijalankan secara atas talian di portal MPM www.mpm.edu.my. Tarikh tutup rayuan semak semula ialah pada **18 Mei 2018** dan caj bayaran sebanyak **RM70.00** dengan menggunakan nombor PIN MEC yang boleh dibeli di Bank Simpanan Nasional (BSN). Sebarang pertanyaan, sila hubungi Unit PraUniversiti, Sektor Pengurusan Penilaian dan Peperiksaan ditalian 05-5015039 / 5015038.

Kerjasama dan perhatian tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,


(AZNAN BIN HAJI ALIAS, AMP.)

Ketua Sektor
Sektor Pendidikan Swasta dan Pendidikan Khas
b.p Pengarah Pendidikan Negeri Perak



Sila catatkan rujukan Jabatan ini apabila berhubung

